

BULETIN PLAN Malaysia@Negeri Sembilan

JABATAN PERANCANGAN BANDAR & DESA NEGERI SEMBILAN

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional



DRAF RANCANGAN
TEMPATAN
MALAYSIA VISION VALLEY 2045

DRAF RANCANGAN
TEMPATAN DAERAH
JEMPOL 2030

HARI BERSAMA
PELANGGAN

GARIS PANDUAN
PEMBANGUNAN
PANGSAPURI PERKHIDMATAN
NEGERI SEMBILAN

GARIS PANDUAN
PERANCANGAN
NEGERI SEMBILAN

WORLD URBAN FORUM 9

DRAF RANCANGAN
KAWASAN KHAS GEMAS

WAJAH WAJAH BANDAR
NEGERI SEMBILAN

LEMBAGA RAYUAN
NEGERI SEMBILAN

Perutusan

BULETIN
PLANMalaysia
@Negeri Sembilan

PENGARAH PLANMalaysia@Negeri Sembilan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T dengan izinnya Buletin PLANMalaysia@Negeri Sembilan Edisi Januari - Jun dapat diterbitkan. Buletin ini adalah ruang perkongsian aktiviti - aktiviti jabatan dari bulan Januari hingga Jun 2018 di peringkat Negeri Sembilan.

Di samping itu buletin ini turut memuatkan Program WORLD URBAN FORUM 2018 dan World Urban Run yang merupakan Program yang julung kalinya diadakan di Malaysia. Buletin ini dimantapkan dengan perkongsian ilmu berkenaan Lembaga Rayuan sebagai bacaan awalan untuk memahami lebih dekat peranan Lembaga Rayuan. Saya mengharapkan agar buletin ini akan menjadi platform jabatan dan masyarakat umum serta kerajaan negeri ke arah mencapai matlamat sistem penyampaian yang tepat khususnya di dalam bidang perancangan bandar dan desa.

Sekian, terima kasih.

"PERANCANGAN INKLUSIF, RAKYAT SEJAHTERA"

TPr. Hasnan bin Iberahim
Disember 2018

PENERBITAN BULETIN

Penasihat :

TPr Hasnan Iberahim
Pengaroh

Kumpulan Buletin:

En.Mohd. Nazri bin Sahat
Pn.Norshaadah binti Sariffudin
Pn.Harliawati binti Ramli

Laman Web:


<http://jpbpd.ns.gov.my>

WORLD URBAN FORUM - WUF 9

**KEJAYAAN PERSIDANGAN FORUM BANDAR SEDUNIA KE -9 (WORLD URBAN FORUM)
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE 7 HINGGA 13 FEBRUARI 2018**

**BULETIN
PLAN Malaysia
@Negeri Sembilan**

- Persidangan Forum Bandar Sedunia (WUF9) merupakan forum perdana dunia berkenaan bandar dan perbandaran yang dianjurkan setiap dwi tahunan oleh United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat) bersama dengan negara yang dipilih di kalangan Negara-Negara Ahli United Nations.
- WUF9 telah diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Malaysia sebagai negara kedua asia yang menganjurkan WUF selepas Nanjing, China pada tahun 2008.
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama UN-Habitat telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Persidangan WUF 9.
- Seramai 35,000 ribu orang telah menyertai Cities 2030, Cities For All: Implementing The New Urban Agenda (NUA) (Tema WUF 9) dari 165 buah negara-negara ahli United Nation.
- Pengisytiharaan Deklarasi Kuala Lumpur yang berkongsi aspirasi peserta untuk masa depan Bandaraya 2030 sebagai bandaraya bagi semua yang tiada tempat tinggal.



**TERDAPAT LIMA (5) PERHIMPUNAN PENTING
SEPANJANG FORUM INI BERLANGSUNG :**

- Perhimpunan Wanita
- Perhimpunan Sidang Perniagaan
- Perhimpunan Kanak-Kanak dan Belia
- Perhimpunan Dunia Kerajaan Tempatan dan Wilayah
- Perhimpunan Akar Umbi

Larian WUR dan Kenduri in the Park telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.





LEMBAGA RAYUAN NEGERI SEMBILAN

Lembaga Rayuan merupakan sebuah badan berkecuali yang ditubuhkan di bawah Bahagian VI, Seksyen 36 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Lembaga Rayuan menjadi saluran atau mekanisme yang bertujuan memudahkan pihak awam dan pihak-pihak yang terkilan untuk mengemukakan rayuan sekiranya tidak berpuas hati dengan keputusan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT).

Di Negeri Sembilan, Lembaga Rayuan telah diwujudkan pada 20 Julai 2000 berdasarkan peruntukkan subseksyen 36(15) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan prosesnya dijalankan berdasarkan Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Sembilan 2002. Sehingga tahun 2017, sebanyak 9 kes telah didaftarkan.

Rayuan kes melibatkan perenggan 23(1)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu rayuan terhadap keputusan pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) yang enggan memberikan kebenaran merancang atau apa-apa syarat yang dikenakan oleh kebenaran merancang atau merayu terhadap syarat-syarat yang dikenakan oleh PBPT dalam memberi kebenaran merancang.

SENARAI KES RAYUAN YANG DIDAFTARKAN OLEH LEMBAGA RAYUAN NEGERI SEMBILAN

BIL	KES	PERAYU	RESPONDEN	TARIKH DAFTAR
1.	Permohonan Untuk Serah Balik dan Bermilik Semula Lot 21840 dan Lot 21841, Pekan Bukit Kepayang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Tetuan Beribu Lagenda Sdn. Bhd.	Majlis Perbandaran Seremban	23/8/2007
2.	Cadangan Mendirikan 4 Blok Reban Ayam Setingkat Di Atas Lot 2263 Geran 15779, Mukim Gadong, Daerah Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Tetuan Yithai Breeding Farm (M) Sdn. Bhd.	Majlis Daerah Rembau	23/6/2008
3.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membangunkan Taman Eco, Rekreasi dan Istirehat Di Atas Lot-Lot 2381, 2382, 2383, 2384, PT.710 (3146) Dan 3148, Mukim Ayer Kuning, Daerah Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Tetuan Yayasan Aloka.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan	24/7/2008
4.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendiri dan Menyiapkan Bangunan Kediaman Di Atas Lot 34075 - 34130, Pekan Senawang, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Tetuan Summer Harvest Sdn. Bhd.	Majlis Perbandaran Seremban	16/1/2009
5.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak Daripada 'Tangki Air' Kepada 'Bangunan Kediaman' Di Atas Lot 3520, Pekan Melang, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Encik Lim Kim Soi @ Chew Kim Soi	Majlis Daerah Kuala Pilah	17/6/2009
6.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Menyerah Balik Dan Beri Milik Semula Dari Pertanian Kepada Perniagaan (Perkuburan Swasta) Di Bawah Seksyen 204(D) Di Atas Lot 14011 Mukim Setul, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.	Tetuan Olivio Tower Sdn. Bhd.	Majlis Perbandaran Nilai	16/6/2011
7.	Permohonan Kebenaran Merancang Terhadap Permohonan Kelulusan Pindaan Pelan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan Bangunan Perniagaan Kedai / Pejabat 3 Tingkat Di Atas Lot-lot PT26/1022, PT36/1022, PT37/1022 & PT 47/1022 dan 2 Tingkat Di Atas PT 27/1022 hingga PT 35/1022 & PT 38/1022 Hingga PT 46/1022 Kepada Bangunan Perniagaan 4 Tingkat Sebagai Kolumbarium (Tempat Simpan Abu Mayat Bukan Islam), Jalan Tun Dr. Ismail, Mukim Seremban, Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus	Amanplex Megah Sdn. Bhd.	Majlis Perbandaran Seremban	08/04/2016
8.	Permohonan Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Pemajuan Perniagaan Melalui Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204A (KTN1965) Di Atas Lot 6417 (Hakmilik GR.34842), Mukim Seremban (Sekarang Pekan Setul), Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus	Gaya Idaman Sdn. Bhd.	Majlis Perbandaran Seremban	21/07/2016
9.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Pemajuan Pembangunan Bercampur Melalui Penyerahan Balik Pemberimilikan Semula Tanah (Seksyen 204A)(KTN 1965) Di Atas Lot 1 PN 45838, Pekan Sg. Gadut, Daerah Seremban	Konsep Karisma Sdn. Bhd.	Majlis Perbandaran Nilai	09/11/2016



9 Kes
Lembaga Rayuan
Negeri Sembilan
pada tahun 2007
hingga 2017


GARIS PANDUAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PANGSAPURI PERKHIDMATAN NEGERI SEMBILAN




GPP ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 1/2017 pada 17 Januari 2017 dan telah diluluskan pemakaiannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan melalui Kertas Mesyuarat No. 499/2017 pada 29 Mac 2017.

Disediakan bagi membantu Pihak Berkuasa Negeri Sembilan (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sembilan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan dalam mengurus dan mengawal pembangunan yang berkonsepkan pangsapuri perkhidmatan terutama semasa penyediaan rancangan pemajuan dan semasa memproses permohonan kelulusan kebenaran merancang yang dikemukakan oleh pemaju dan perunding di PBT.

GPP ini telah menggariskan perkara-perkara asas berhubung dengan definisi, kategori dan jenis pembangunan pangsapuri perkhidmatan, garis panduan umum, garis panduan khusus dan syarat-syarat khas serta piawaian perancangan berkaitan dengan pembangunan pangsapuri perkhidmatan khususnya bagi pemakaian di Negeri Sembilan untuk dijadikan panduan di kalangan PBT dan agensi-agensi teknikal yang berkait rapat dalam menguruskan permohonan-permohonan kelulusan pelan pembangunan pangsapuri perkhidmatan.



Rekabentuk pembangunan pangsapuri perkhidmatan sebagai bangunan tunggal atau "free standing building"



Gambaran pangsapuri perkhidmatan sebagai sebahagian daripada komponen pembangunan bercampur (blok berasingan).



Gambaran pembangunan pangsapuri perkhidmatan di dalam kompleks perniagaan.

RANCANGAN TEMPATAN MALAYSIA VISION VALLEY 2045

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Draf Rancangan Tempatan Malaysia Vision Valley Bil.1/2018 telah diadakan pada 26 Mac 2018 telah diadakan di Tasik Villa International Resort, Port Dickson.

26 Mac 2018 Tasik Villa International Resort, Port Dickson



RANCANGAN TEMPATAN MALAYSIA VISION VALLEY 2045

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Draf Rancangan Tempatan Malaysia Vision Valley bil.2/2018 telah diadakan pada 26 Jun 2018. Mesyuarat bertempat di Klana Resort Seremban. Agensi yang terlibat ialah Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Port Dickson, Perunding dan agensi - agensi teknikal.

26 Jun 2018 Klana Resort, Seremban



DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH JEMPOL 2030

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam Draf Rancangan Tempatan Jempol 2030 bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Jempol Y.Bhg Dato' Haji Zazali bin Salehudin. Mesyuarat juga disertai oleh jabatan teknikal dan agensi yang berkaitan.

5 Febuari 2018 Bilik Gerakan Majlis Daerah Jempol



DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH JEMPOL 2030

HIGH IMPACT PROJECT AND QUICK WIN PROJECT

Mesyuarat ini diadakan bagi mendapatkan maklumbalas daripada agensi berkaitan cadangan - cadangan *High Impact Project* dan *Quick Win Project* bagi daerah Jempol. Disamping itu mesyuarat ini juga bertujuan untuk memuktamadkan Draf Rancangan Tempatan Daerah Jempol 2030.

28 Jun 2018 Klana Resort Seremban



DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH JELEBU 2030

BENGKEL VERIFIKASI DAN PENYELARASAN DATA BAGI RANCANGAN TEMPATAN DAERAH JELEBU

Bengkel verifikasi dan penyelarasan data ini melibatkan Majlis Daerah Jelebu dan agensi teknikal. Bengkel ini diadakan bagi menyemak ketetapan data yang digunakan bagi penyediaan RTD Jelebu 2030 mengikut sektor di dalam laporan tersebut.

23 April 2018 Kuala Klawang



DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS GEMAS

PERBINCANGAN PINDAAN DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS GEMAS

14 Mei 2018 Majlis Daerah Tampin



DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS GEMAS

Technical Working Group (TWG) bagi Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Gemas telah diadakan di Dewan Besar Gemas yang melibatkan Majlis Daerah Tampin, Pejabat Daerah Kecil & Tanah Gemas, Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan, Jabatan Alam Sekitar dan jabatan teknikal untuk verifikasi gunatanah dan cadangan pembangunan RKK.

27 June 2018 Dewan Besar Gemas



PROJEK GIS9

PROJEK PENAMBAHAN ,MODUL BARU & PENAMBAHBAIKAN APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI NEGERI SEMBILAN (GIS9)

Mesyuarat ini bagi mendapatkan maklumbalas dan respon berkaitan *user requirement system* GIS9 daripada semua pihak berkuasa tempatan dan Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Sembilan.

28 Jun 2018 Bilik mesyuarat UTC, Ampangan



GARIS PANDUAN PERANCANGAN NEGERI SEMBILAN

Mesyuarat Penyelaras Semakan Tujuh (7) Garis Panduan Perancangan (GPP) Negeri Sembilan dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Semakan 7 garis panduan ini adalah berikutan perubahan pembangunan dan seiring dengan kemajuan Negeri Sembilan.

1 Februari 2018 Bilik Gerakan Negeri



7 Garis Panduan Perancangan Negeri Sembilan

Mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Mesyuarat terhadap Tujuh Draf Garis Panduan Perancangan (GPP) Negeri Sembilan yang terdiri dari Draf:

GPP Perumahan Negeri Sembilan
GPP Tanah Lapang dan Rekreasi Negeri Sembilan
GPP Kemudahan Islam Negeri Sembilan
GPP Kemudahan Masyarakat Negeri Sembilan
GPP Kawasan Perindustrian Negeri Sembilan
GPP Tapak Pelupusan Sisa Pepejal dan Buangan Terjadual Negeri Sembilan
GPP Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Negeri Sembilan


BENGKEL STRATEGI PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN BERSAMA YAB MB NEGERI SEMBILAN

2 Februari 2018 Klana Resort Seremban




Coffee Table Book

WAJAH WAJAH BANDAR NEGERI SEMBILAN



Coffee table book "Wajah-Wajah Bandar Negeri Sembilan" merupakan sebuah buku yang mengandungi visual 12 bandar yang terpilih di Negeri Sembilan yang melibatkan bandar-bandar seperti Seremban, Nilai, Port Dickson, Teluk Kemang, Lukut, Bahau, Bandar Seri Jempol, Kuala Pilah, Rembau, Tampin, Gemas dan Kuala Klawang.

Bahan bacaan santai ini memfokuskan kepada gambar-gambar pembangunan yang meliputi aspek-aspek fizikal, ekonomi dan sosial. Pemilihan 12 bandar ini berinspirasikan dari Dasar Perbandaran Negara Kedua disamping ciri-ciri pembangunan bandar-bandar tersebut. Buku ini dijadikan sebagai wadah untuk menggambarkan elemen-elemen bandar dengan harapan dapat menarik perhatian pembaca untuk berkunjung di Negeri Sembilan.





PELANCARAN

MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Pra - Pelancaran Majlis Bandaraya Seremban. Penggabungan antara Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai. Majlis dilancarkan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan.

BULETIN
PLAN Malaysia
@Negeri Sembilan

21 April 2018, Dataran Nilai




HARI BERSAMA PELANGGAN

BULETIN
PLAN Malaysia
@Negeri Sembilan

PLAN Malaysia@Negeri Sembilan

Program Hari Bersama Pelanggan PLAN Malaysia@Negeri Sembilan telah diadakan di Dataran Nilai sempena penggabungan Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai sebagai Majlis Bandararaya Seremban. Pada majlis ini PLAN Malaysia@Negeri Sembilan mengambil peluang untuk mengadakan hebahan dan Program Wish Tree 2045 kepada pengunjung yang hadir.

20 MAC 2018 Dataran Nilai



HARI BERSAMA PELANGGAN

BULETIN
PLANMalaysia
@Negeri Sembilan

PLANMalaysia@Negeri Sembilan

Program Hari Bersama Pelanggan telah diadakan di Mydin Mall Senawang. Pada program ini pengunjung diberi peluang untuk menyatakan hasrat untuk pembangunan bandar impian rakyat Negeri Sembilan melalui Projek Negeri Sembilan *Wish List* 2045 sempena program sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan yang akan diadakan pada bulan November 2018.

1 MAC 2018 MYDIN Mall Senawang



CERAMAH AGAMA SEMPENA BULAN RAMADHAN

BULETIN
PLANMalaysia
@Negeri Sembilan

Sempena bulan Ramadhan yang mulia Unit Latihan Jabatan telah mengadakan satu ceramah agama untuk pengisian rohani dan perkongsian ilmu kepada warga jabatan. Ceramah yang bertajuk Malam Lailatul Qadar telah disampaikan oleh Ustaz Haji Norazman Bin Amat dari Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

1 Jun 2018 PLANMalaysia@Negeri Sembilan



PERHIMPUNAN JABATAN

BULETIN
PLAN Malaysia
@Negeri Sembilan

Antara agenda perhimpunan jabatan pada 7 Mei 2018 ialah Majlis Penyampaian kad hari Lahir; Sumbangan Kebajikan dari Kelab Sukan Dan Kebajikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan dan pengumuman Pemenang Pertandingan Mencipta Logo SUKNA 2019. Selain itu dua slot *Public Speaking* yang bertajuk 15 *Life Hack* telah disampaikan oleh Puan Siti Shafira Binti Nordin dan Kelebihan Membaca pula telah disampaikan oleh Puan Norhayati Binti Mohammed.

7 Mei 2018 PLANMalaysia@Negeri Sembilan



SUMBANGAN BUBUR LAMBUK DAN BUAH KURMA

BULETIN
PLANMalaysia
@Negeri Sembilan

Sumbangan dari Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Sembilan sempena bulan Ramadhan kepada semua lapisan pegawai.

31 Mei 2018 PLANMalaysia@Negeri Sembilan





PLANMALAYSIA@Negeri Sembilan

(Jabatan Perancangan Bandar & Desa Negeri Sembilan)

Tingkat 3, Blok A,

Wisma Negeri, 70646 Seremban

Negeri Sembilan

Tel : 06 765 9713

FAX : 06 762 5644